

21 JUN 1999

SAYA AKAN TINGGAL DI RUMAH SENDIRI APABILA BERSARA, KATA MAHATHIR

PUTRAJAYA, 21 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa beliau akan tinggal di rumahnya sendiri di Mines Resort City apabila beliau bersara.

"Saya akan tinggal di rumah saya sendiri, milik saya, dengan wang saya yang saya miliki secara halal, tiada rasuah atau apa-apapun. Rumah saya berharga hampir RM1 juta, jika anda boleh datang untuk lihat dan ambil gambarnya, ia nampak sangat cantik tetapi ia tidaklah mahal sangat," katanya.

Dr Mahathir ditanya oleh seorang wartawan asing pada persidangan berita pada hari pertama beliau di pejabat barunya di pusat pentadbiran baru di sini, sama ada beliau akan menjadi menteri kanan selepas bersara kelak.

Perdana Menteri berkata selepas bersara, beliau akan hanya pergi melihat pejabat Perdana Menteri seperti orang lain, "bukan untuk tinggal, bukan untuk kerja di sini."

-- BERNAMA

AFY NAK